

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : DR. ISMAIL BIN DAUT [MERBOK]

TARIKH : 16 MAC 2015 (ISNIN)

SOALAN :

Dr. Ismail bin Daut [Merbok] minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan supaya Bantuan 1AZAM diteruskan supaya golongan ibu tunggal dan usahawan-usahawan kecil dapat menikmati bantuan tersebut untuk meningkatkan ekonomi sesebuah keluarga. Adakah Kerajaan bercadang supaya Pengerusi Majlis Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat peringkat Parlimen diberi elaun sepertimana diperolehi oleh JKKK supaya dapat memperkasakan kumpulan tersebut, di mana sumbangan mereka juga tidak diketepikan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Pihak Kerajaan amat prihatin terhadap cabaran yang dihadapi oleh rakyat khususnya golongan miskin dan mereka yang berpendapatan rendah. Dalam hal ini, Program 1AZAM di bawah Bidang Keberhasilan Utama Negara atau *National Key Result Areas* (NKRA): Meningkatkan Taraf Hidup Isi Rumah Berpendapatan Rendah (LIH) yang diterajui oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) terus dipergiat untuk membantu golongan berpendapatan rendah seperti golongan ibu tunggal dan usahawan-usahawan kecil meningkatkan pendapatan keluarga melalui beberapa bidang seperti berikut:

BIL	BIDANG	AZAM	AGENSI PELAKSANA
1	Perniagaan	Niaga	KPWKM Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM)
2	Perkhidmatan	Khidmat	Kerajaan Negeri Sabah Kerajaan Negeri Sarawak
3	Pertanian	Tani	Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Kerajaan Negeri Sabah Kerajaan Negeri Sarawak
4	Pekerjaan	Kerja	Kementerian Sumber Manusia Kerajaan Negeri Sabah Kerajaan Negeri Sarawak

Tuan Yang Dipertua,

Program 1AZAM telah menampakkan keberkesanannya dengan penyertaan sejumlah **173,445** orang dari tahun 2010 hingga 31 Disember 2014. Daripada jumlah tersebut, seramai **108,780** orang peserta atau **62.71%** adalah wanita. Secara khususnya, program AZAM Niaga yang diselaraskan oleh KPWKM telah memberi manfaat kepada seramai **2,451** orang ibu tunggal dari seluruh negara.

Berdasarkan kepada Analisa Impak Peserta Program 1AZAM yang dilakukan oleh pihak Kementerian, didapati bahawa Program 1AZAM (Niaga dan Khidmat) KPWKM telah mencapai matlamat utama program tersebut iaitu untuk mempertingkatkan taraf kehidupan isi rumah berpendapatan rendah serta mengubah daya pemikiran peserta untuk menjadi lebih berdikari. Sehubungan itu, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) sebagai kementerian peneraju masih meneruskan Program 1AZAM di bawah GTP 2.0 iaitu hingga tahun 2015 bagi memastikan inisiatif ini dapat memberi impak secara berterusan dari segi peningkatan pendapatan golongan berpendapatan rendah selaras dengan konsep kebajikan produktif.

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan akan meneliti cadangan pemberian elaun kepada Pengerusi Majlis Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat tertakluk kepada peruntukan sedia ada. Pada masa kini, tiada sebarang bentuk elaun diberikan.